



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN KIT BATIK LUKIS DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
PENDIDIKAN SENI VISUAL BAGI  
TINGKATAN 3 DI DAERAH  
HILIR PERAK**

**NORHANIYAH BINTI YUSOF**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan) ..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, NORHANIYAH BINTI YUSOF, M20162001701, FSKIK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PELAKSANAAN KIT BATIK LUKIS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL BAGI TINGKATAN 3 DI DAERAH HILIR PERAK.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



---

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR ABDUL AZIZ BIN ZALAY @ ZALI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN KIT BATIK LUKIS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL BAGI TINGKATAN 3 DI DAERAH HILIR PERAK.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN SENI (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PELAKSANAAN KIT BATIK LUKIS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL BAGI TINGKATAN 3 DI DAERAH HILIR PERAK

No. Matrik / Matric No.: M20162001701

Saya / I : NORHANIYAH BINTI YUSOF

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

---

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

---

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Pertama sekali saya ingin memberikan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Abdul Aziz Bin Zalay @ Zali di atas tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangun perisian dan dokumentasi, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada pensyarah saya, beliau yang banyak memberikan panduan dan nasihat kepada saya. Seterusnya guru-guru dan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang yang terlibat di dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan sepengajian juga yang banyak memberi bantuan dan semangat.



Tidak lupa juga penghargaan kepada ibu dan ayah iaitu Yusof bin Ahmad dan Aminah binti Ali serta Norsyaedah dan Norwahida kakak saya yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.

Sekian, terima kasih.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

## ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk melihat pelaksanaan Kit Batik Lukis dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bagi meningkatkan kefahaman murid serta mampu memberikan kemudahan kepada guru di sekolah. Kesukaran mendapatkan alat dan bahan untuk aktiviti pembelajaran bagi Seni Kraf Batik merupakan masalah yang wujud hasil daripada penyelidik yang lepas. Kajian ini menjelaskan kaedah dan pendekatan dalam persediaan guru serta meningkatkan keberkesanan penggunaan Bahan Bantu Mengajar melalui proses pembelajaran murid dalam pengajaran Seni Kraf Batik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif diskriptif melalui kajian kes. Data-data yang diperolehi menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik untuk mendapatkan keputusan yang tepat dan sebenar. Kajian ini melibatkan dua buah sekolah yang terpilih, guru dan murid bagi tingkatan tiga berdasarkan tahap pencapaian mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Hasil dapatan kajian bahawa kedua buah sekolah menunjukkan peratusan yang tinggi dalam kefahaman melalui penggunaan Kit Batik Lukis. Berdasarkan analisis data penggunaan Kit Batik Lukis memberi kemudahan yang lengkap dan kesan yang positif serta menarik minat dalam pembelajaran. Kesimpulan kajian telah terbukti dan berjaya meransang tiga domain melalui hasil kemahiran tersebut dengan menggunakan Kit Batik Lukis. Implikasi penyelidikan ini menyarankan penggunaan KIT patut diberi galakan kepada semua tajuk yang terdapat di silibus Pendidikan Seni Visual. Hasil daripada cadangan ini menunjukkan terdapat beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan dan diperbaiki terutama dalam menyentuh aspek penemuan media baru.



05

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## THE IMPLEMENTATION OF BATIK PAINTING KIT IN ART LESSON AMONG FORM 3 STUDENTS FROM HILIR PERAK DISTRICT

### ABSTRACTS

The research was conducted to look at the implementation of the Batik Painting Kit in teaching and learning Visual Arts Education to enhance students' understanding and to facilitate teachers in the school. The difficulties in obtaining tools and materials for learning Batik Craft in art education is a problem that had been arisen from previous researchers. This study explains the methods and approaches in teacher preparation and enhances the effectiveness of the use of teaching aids in teaching and learning process of Batik Craft Art. This study uses a descriptive qualitative approach through case study. The data are collected using observation, interview and questionnaire methods to get accurate results. This study involved two selected schools, teachers and students in form three based on the level of achievement in Visual Arts Education topics. The findings show that both schools showed a high percentage of comprehension through the use of the Batik Painting Kit. Based on the data analysis, the use of Batik Painting Kit gives complete convenience and positive impact and interest in learning. The conclusion of the study had been proven and successfully promoted the three domains through the skill set using the Batik Painting Kit. The implications of this research suggest that the use of KIT should be encouraged in all subjects in the Visual Arts Education syllabus. The results of this proposal indicate that there are several things that can be improved especially in relation to the new media discovery.





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii



### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.7.1 Batasan Tempat	8
1.7.2 Batasan Responden	8





1.7.3	Batasan Ruang	9
1.7.4	Batasan Masa	9
1.7.5	Batasan Kandungan	10
1.8	Kerangka Konsep Kajian	10
1.8.1	Aspek Guru	12
1.8.2	Aspek Bahan Bantu Mengajar	12
1.8.3	Aspek Murid	13
1.9	Definisi Operational	13
1.9.1	Kraf	13
1.9.2	Batik	14
1.9.3	Pengajaran	14
1.9.4	Pembelajaran	15
1.9.5	Pendidikan Seni	17
1.9.6	Kit	18
1.9.7	Interpretasi	18
1.10	Kesimpulan	19

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	20
2.2	Kit Batik Lukis	21
2.3	Seni Kraf Batik	21
2.4	Kurikulum Pendidikan Seni di Sekolah	24
2.5	Peranan Bahan Bantu Mengajar	25
2.6	Pendidikan Seni Visual Kraf batik di Sekolah	26
2.7	Kreativiti Guru Pendidikan Seni	28





2.8	Seni dalam Pendidikan	29
2.9	Kit Pengajaran Luar Bilik Darjah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual	31
2.10	Kit Sebagai Media Pembelajaran	33

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi dan Responden Kajian	37
3.4	Kaedah Kajian	37
3.4.1	Kaedah Pemerhatian	38
3.4.2	Kaedah Temubual	39
3.4.3	Kaedah Dokumentasi	40
3.4.4	Kaedah Foto Visual	41
3.4.5	Kaedah Soal Selidik	41
3.5	Matrik Pengumpulan Data	42
3.6	Kaedah Analisis Data	45
3.7	Jadual Kerja Kajian	46
3.8	Kesimpulan	47

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	48
4.2	Laporan Pemerhatian	49
4.2.1	Pemerhatian di SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan (Sekolah A)	52
4.2.2	Pelaksanaan Aktiviti di Sekolah A	52
4.2.3	Penilaian Pencapaian Ujian Sampel	62





4.2.4	Refleksi Penilaian Keseluruhan Pemerhatian	64
4.2.5	Pemerhatian di SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk (Sekolah B)	65
4.2.6	Pelaksanaan Aktiviti di Sekolah B	65
4.2.7	Penilaian Pencapaian Ujian Sampel	76
4.2.8	Refleksi Penilaian Keseluruhan Pemerhatian	78
4.3	Kesimpulan	79

**BAB 5 ANALISIS DISKRIPTIF**

5.1	Pengenalan	80
5.2	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan	81
5.2.1	Jantina Responden	81
5.2.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kaum	83
5.3	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk	83
5.3.1	Jantina Responden	84
5.3.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kaum	85
5.4	Analisis Data Bagi Setiap Persoalan Kajian	86
5.4.1	Persoalan Kajian 1	86
5.4.2	Persoalan Kajian 2	89
5.4.3	Persoalan Kajian 3	97
5.5	Kesimpulan	103

**BAB 6 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI**

6.1	Ringkasan Kajian	105
6.2	Rumusan Dari kesimpulan	106





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

6.3	Implikasi Dapatan Kajian	108
6.4	Cadangan Lanjutan Kajian	109
<b>RUJUKAN</b>		110
<b>LAMPIRAN</b>		113



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Pelaksanaan Pengumpulan Data	9
3.1 Matrik Pengumpulan Data	43
3.2 Kerja Kajian	46
4.1 Penilaian Kemahiran Berdasarkan Prestasi dan Pemarkahan	51
4.2 Keputusan Pemarkahan Sekolah A	59
4.3 Penilaian Keseluruhan	62
4.4 Pemarkahan Kreativiti Sekolah A	62
4.5 Pemarkahan Kekemasan Sekolah A	63
4.6 Pemarkahan Strategi Sekolah A	63
4.7 Keputusan Pemarkahan Sekolah B	74
4.8 Penilaian Keseluruhan	76
4.9 Pemarkahan Kreativiti Sekolah B	76
4.10 Pemarkahan Kekemasan Sekolah B	77
4.11 Pemarkahan Strategi Sekolah B	78
5.1 Jantina Responden SMK Sultan Abdul Aziz	82
5.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden	82
5.3 Latar Belakang Responden	83
5.4 Jantina Responden SMK Sultan Hutan Melintang	84
5.5 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden	85
5.6 Latar Belakang Responden	85





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii

5.7	Analisis Persoalan Kajian 2 (SMK Sultan Abdul Aziz)	90
5.8	Analisis Persoalan Kajian 2 (SMK Hutan Melintang)	93
5.9	Analisis Persoalan Kajian 3 (SMK Sultan Abdul Aziz)	97
5.10	Analisis Persoalan Kajian 3 (SMK Hutan Melintang)	100



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Batik di Sekolah	11
3.1 Carta Alir Temu Bual Kajian Melibatkan Guru dan Murid	40
3.2 Komponen Analisis Data oleh Miles dan Hubermen (1992)	45
4.1 Alat dan Bahan Kit Batik Lukis	49
4.2 Penerangan dari Penyelidik Sebelum Memulakan Aktiviti Batik Lukis	53
4.3 Murid-Murid Sedang Mencampurkan Warna Asas Untuk Mendapatkan Warna Sekunder dan Tertier	53
4.4 Murid Mula Melakukan Aktiviti Bersama Rakan	54
4.5 Murid Sedang Melakukan Aktiviti Batik Lukis	54
4.6 Hasil Karya Murid Sekolah A (Rendah)	55
4.7 Hasil Karya Murid Sekolah A (Sederhana)	56
4.8 Hasil Karya Murid Sekolah A (Sederhana)	57
4.9 Hasil Karya Murid Sekolah A (Baik)	58
4.10 Peratusan Pemarkahan Item	60
4.11 Murid Sedang Mencampurkan Warna Asas untuk Mendapatkan Warna Sekunder dan Warna Tertier	66
4.12 Penerangan dari Penyelidik Untuk Menghasilkan Aktiviti Batik Lukis	66
4.13 Murid Mula Melakukan Aktiviti Bersama Rakan	67
4.14 Murid Menunjukkan Hasil Karya Masing-Masing	67
4.15 Hasil Karya Murid Sekolah B (Rendah)	68





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xv

4.16	Hasil Karya Murid Sekolah B (Rendah)	69
4.17	Hasil Karya Murid Sekolah B (Sederhana)	70
4.18	Hasil Karya Murid Sekolah B (Baik)	71
4.19	Hasil Karya Murid Sekolah B (Baik)	72
4.20	Hasil Karya Murid Sekolah B (Baik)	73
4.21	Peratusan Pemarkahan bagi Ketiga-Tiga Item	75



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

## SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
DBAE	<i>Discipline Based Art Education</i>
PdPC	Pengajaran dan Pemudah Cara
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PSV	Pendidikan Seni Visual



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

## SENARAI LAMPIRAN

Borang A (Soal Selidik Murid)

Borang B (Soal Selidik Guru)

Skrip Temubual A Guru Pendidikan Seni

Skrip Temubual B Guru Pendidikan Seni



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ipsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pendahuluan**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Penyelidikan ini dijalankan untuk melihat pelaksanaan batik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bagi Sekolah Menengah Rendah di Daerah Hilir Perak, Perak. Menerusi kajian ini, penyelidik telah memberikan kefahaman tentang permasalahan yang dikaji menerusi penerokaan soalan yang telah dinyatakan. Di samping itu juga akan memperjelaskan hubungkait permasalahan utama kajian dengan objektif dan kepentingan daripada kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang

Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib diambil bagi setiap murid. Ianya merupakan mata pelajaran teras dalam sistem persekolahan sekolah menengah di Malaysia. Perkembangan proses pendidikan adalah berlandaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang telah disediakan. Di sekolah, Pendidikan Seni Visual bagi Seni Kraf Batik merupakan salah satu tajuk yang terkandung dalam topik yang diajar oleh guru PSV. Seni Kraf Batik merupakan langkah utama bagi murid dalam mengenali kraf batik di sekolah. Secara amnya, batik merupakan karya warisan budaya bangsa dan mempunyai perkembangan seiring dengan peredaran masa.



persekolahan tahun 2017 telah menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diyakini mampu melahirkan murid yang dinamik untuk bersaing ke peringkat global. Menurut Naza Idris (2016) dalam petikan Berita Utusan, penekanan KSSM diberikan kepada perkembangan bakat dan minat seseorang murid. Hasil penekanan ini dilihat oleh guru di sekolah bagi menentukan perkembangan murid berdasarkan tahap penguasaan yang telah direkodkan dan menjadikan maklumat pelaporan yang berbentuk formatif.

Pendidikan adalah proses usaha untuk mewujudkan suasana belajar dan proses

pembelajaran agar murid dididik secara aktif dalam memperkembangkan potensi diri murid di sekolah. Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan sukanan pelajaran pada setiap mata pelajaran amat penting untuk guru





merujuk semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Usaha ini diharapkan guru dapat melaksanakan pengajaran di dalam kelas secara praktikal dan berkesan.

Pengajaran dan pembelajaran boleh dipertingkatkan sekiranya guru dapat memahami persepsi dan sikap murid terhadap pengajarannya, khususnya dalam bidang Seni Kraf Batik. Hal ini disebabkan oleh setiap murid mempunyai latar belakang, minat dan kebolehan yang berbeza antara satu sama lain. Menurut Bruner dalam penulisan Zahuri Khairani (2002), proses pengajaran perlu mengikuti perkembangan semasa apabila murid diberi peransang untuk meneroka idea asas dan struktur mata pelajaran dalam gaya yang ditemukan oleh pengamal professional dalam bidang yang diceburi di mana konsep penggunaan pelbagai disiplin mula dianggap relevan kepada pembentukan kefahaman tentang seni.



Selain itu, pembelajaran bagi Seni Kraf Batik akan dilaksanakan dengan lebih baik sekiranya diberi perhatian yang lebih untuk dilaksanakan di sekolah dengan berkesan. Kelengkapan yang lengkap akan membantu guru dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan terancang. Secara tidak langsung, langkah ini dapat memberi dorongan kepada murid-murid supaya minat murid dapat diketengahkan dan diperkembangkan pada peringkat sekolah.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah memberi penekanan bagi mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan. Untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Seni Visual juga tidak terkecuali dalam mempunyai peranan bagi mengendalikan proses pembelajaran dan pengetahuan dengan baik dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini melihat dari segi penyediaan keperluan bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi tajuk Seni Kraf Batik di sekolah. Keperluan bahan dalam proses mengajar dapat membantu guru mengajar dengan baik dan mudah memberi pemahaman yang jelas kepada murid.



merupakan penggerak utama dalam memastikan perlaksanaan aktiviti Pendidikan Seni di sekolah lancar dan berkesan di samping guru-guru seni yang berpengalaman, inovatif, kreatif dan rajin. Hal ini dapat membuktikan keperluan yang lengkap mampu memberikan suasana pembelajaran yang baik serta kondusif semasa pembelajaran berlangsung. Pembelajaran Seni Kraf Batik ini sangat diberi perhatian supaya permasalahan yang timbul dapat diatasi dan diberikan kemudahan dengan baik dan sempurna. Penerimaan pendidikan dalam Seni Kraf Batik sangat penting di sekolah bagi melahirkan insan yang mempunyai ilmu dan kemahiran dalam Seni Kraf Batik di peringkat yang lebih tinggi.





Permasalah yang dikenal pasti telah disokong dalam kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik bersama guru Encik Zubir Rajman (2017) yang menyatakan penyediaan bahan yang rumit serta peralatan yang tidak mencukupi adalah faktor utama pengajaran dan pembelajaran tidak dapat berlangsung dengan baik. Kesan daripada permasalahan ini murid tidak mempunyai pengalaman dalam melaksanakan aktiviti Seni Kraf Batik semasa pembelajaran berlangsung. Hal ini mungkin merupakan satu kegagalan bagi guru Pendidikan Seni Visual sebagai pelaksana dalam mengukur pencapaian prestasi murid kerana kurang terlaksananya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni dalam Seni Kraf Batik yang dilaksanakan di sekolah.

Zakaria (1984) menyatakan bahawa guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas lagi mendalam dalam bidangnya serta melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti profesionalisme keguruan seperti bengkel, seminar, kursus dan ceramah umum yang ada perkaitan dengan Pendidikan Seni khususnya dalam bidang Seni Kraf Batik. Berdasarkan pernyataan di atas masalah seterusnya melibatkan kemahiran guru opsyen dan guru bukan opsyen yang mengajar Pendidikan Seni Visual di sekolah. Guru yang bukan opsyen Pendidikan Seni kurang mempunyai pengalaman berbanding guru yang berlatarbelakangkan kemahiran dan latihan dalam bidang seni untuk menjalankan pengajaran di dalam kelas. Guru tersebut hanya bergantung kepada pengajaran dalam bentuk teori dan tidak dapat melaksanakan aktiviti dengan baik kerana tidak mempunyai pengalaman mahupun kemahiran dalam Seni Kraf Batik.

Berdasarkan huraian di atas, kajian ini dijalankan bagi memberi petunjuk dalam isu permasalahan pembelajaran batik dalam kalangan murid Tingkatan 3 di Sekolah Daerah Hilir Perak. Melalui permasalahan ini, penyelidik dapat mengkaji sejauh mana





keberkesanan pembelajaran Seni Kraf Batik dan minat murid dalam Seni Kraf Batik di Sekolah Menengah Rendah Tingkatan 3.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini berpandukan kepada objektif-objektif berikut:

- 1) Mengenalpasti kesediaan guru untuk mengajar dalam bidang Seni Kraf Batik.
  - i) Menjelaskan kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh guru semasa proses pembelajaran berlaku.
- 2) Meningkatkan keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar dalam mengendalikan Pengajaran dan Pembelajaran Seni Kraf Batik.
- 3) Menginterpretasi proses pembelajaran murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Kraf Batik.

## 1.5 Persoalan Kajian

Melalui persoalan kajian, jawapan yang diperolehi daripada persoalan ini akan membantu untuk mencapai objektif dan tujuan kajian. Berikut merupakan persoalan kajian yang dijalankan seperti:

- 1) Apakah kesediaan guru untuk mengajar dalam bidang Seni Kraf Batik?
  - i) Apakah kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh guru semasa proses pembelajaran Seni Kraf Batik?





- 2) Sejauhmana keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar dalam mengendalikan Pengajaran dan Pembelajaran Seni Kraf Batik?
- 3) Bagaimakah proses pembelajaran murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Kraf Batik?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi kesedaran pengetahuan dan pemahaman kepada murid, guru dan masyarakat tentang Seni Kraf Batik yang dipraktikkan di sekolah. Antara kepentingan kajian yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

1. Hasil dapatan kajian ini dapat menarik minat murid untuk ke arah yang lebih terbuka dan jauh dalam bidang Seni Kraf Batik.
2. Kajian ini dapat mengenal pasti kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru dapat memberi kesan peningkatan pencapaian akademik murid.
3. Kajian ini dapat memberi kefahaman dan membantu guru dengan pemudah cara dalam membuat perancangan Pengajaran dan Pembelajaran aktiviti kraf seni batik.
4. Dapat melahirkan rasa bangga dan cinta terhadap Kraf Tradisional sebagai satu identiti warisan Melayu.
5. Murid juga dapat merasai dan menyedari aspek-aspek pemeliharaan dan penjagaan Seni Kraf Batik.
6. Hasil dapatan kajian ini adalah memupuk nilai murni dalam diri murid seperti hasil budaya sebagai warisan budaya Bangsa.





## 1.7 Batasan Kajian

Terdapat lima batasan yang akan menjadi garis panduan dalam kajian ini iaitu batasan tempat, batasan responden, batasan ruang, batasan masa dan akhir sekali batasan kandungan.

### 1.7.1 Batasan Tempat

Kajian ini hanya memfokuskan kepada dua buah sekolah yang telah disenarai pendek oleh pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak. Sekolah yang dipilih adalah sekolah yang memenuhi kehendak syarat penyelidikan iaitu mudah mendapat maklumat, kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian dan mempunyai kualiti dan kredibiliti dalam sistem persekolahan yang bermula dari Tingkatan Tiga.

### 1.7.2 Batasan Responden

Batasan responden adalah melibatkan guru-guru terpilih yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan juga memfokuskan kepada murid Tingkatan Tiga di sekolah tersebut.





### 1.7.3 Batasan Ruang

Kajian ini melibatkan ruang di bilik seni yang telah disediakan oleh pihak sekolah.

Penyediaan ini dibenarkan dan tidak mengganggu proses pembelajaran murid yang lain.

### 1.7.4 Batasan Masa

Jangka masa pengumpulan data ini bermula dari penggal kedua tahun 2018 sehingga penggal awal tahun 2019. Tempoh masa kajian dijalankan pada kedua buah sekolah adalah seperti di Jadual 1.1.



**Jadual 1.1**

*Pelaksanaan Proses Pengumpulan Data*

Minggu	Tarikh	Aktiviti	Catatan
1	13/9/2018	Menemuramah murid dan guru yang terlibat fasa pertama.	SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan
2	20/9/2018	Melakukan aktiviti mewarna Kit Batik Lukis.	SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan
3	27/9/2018	Menemuramah murid dan guru yang terlibat fasa kedua.	SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan
1	12/9/2018	Menemuramah murid dan guru yang terlibat fasa pertama.	SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk.
2	19/9/2018	Melakukan aktiviti mewarna Kit Batik Lukis.	SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk.
3	26/9/2018	Menemuramah murid dan guru yang terlibat fasa kedua.	SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk.





Jadual 1.1 merupakan jadual bagi pelaksanaan pengumpulan data secara berperingkat mengikut fasa yang ditetapkan. Terdapat dua fasa yang dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan hasil murid melakukan aktiviti dan menemuramah guru dalam soal jawab berkaitan kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh guru.

### 1.7.5 Batasan Kandungan

Batasan ini memfokuskan kepada strategi dan pelaksanaan kandungan pengajaran dalam menghasilkan aktiviti Seni Kraf Batik di sekolah. Selain itu juga, kandungan yang ingin dilihat dalam Bahan Bantu Mengajar semasa guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta tumpuan diberikan kepada penguasaan serta

pemahaman murid semasa proses pembelajaran dan pengkaryaan dijalankan.



### 1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep diperlukan bagi memberi gambaran secara keseluruhan tentang proses panduan dalam penyelidikan. Penggunaan konsep membolehkan penyelidik membuat hujahan terhadap aspek-aspek yang telah menjadikan sasaran penyelidik dalam mengkaji sesebuah kajian. Kerangka konsep kajian ini menggunakan kerangka *Model Discipline and Multi Discipline in Visual Art Education* yang diambil daripada Shukor Hashim dan Solihim Osman (2000). Walau bagaimanapun, penyelidik telah mengubahsuai kerangka teorikal tersebut supaya menepati bentuk kajian yang dilaksanakan seperti di Rajah 1.1. Model ini sesuai kerana meliputi pelbagai disiplin



ilmu yang menjadikan sokongan utama dalam kerangka konsep yang dihasilkan oleh penyelidik. Pembentukan kerangka konsep oleh penyelidik memberikan perhatian kepada tiga aspek utama iaitu pengajaran dan pembelajaran Seni Kraf Batik yang meliputi aspek Bahan Bantu Mengajar, persediaan guru dan kemampuan murid melalui karya yang dihasilkan.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Batik di Sekolah

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, penyelidik cuba melihat dan memahami bagaimana ketiga-tiga aspek berperanan dalam menghasilkan sesebuah penyelidikan yang mempunyai keseragaman yang mampu memberikan satu jawapan dalam persoalan kajian. Antara ketiga-tiga aspek tersebut adalah seperti di bawah.



### 1.8.1 Aspek Guru

Melalui aspek guru, iaanya melibatkan persediaan guru dalam proses pengajaran di sekolah. Aspek guru juga ingin melihat bagaimana penggunaan kaedah dan strategi dalam Pengajaran dan Pembelajaran dilaksanakan di dalam bilik seni dan dibantu oleh bahan bantu mengajar dari guru bagi mempermudahkan proses kefahaman pembelajaran murid. Aspek ini sedikit sebanyak menyentuh latar belakang pendidikan guru, kemahiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran serta kesediaan guru ketika sesi pembelajaran berlangsung. Kewibawaan seorang guru adalah dari keperibadian seseorang yang disempurnakan dengan hasil penyerapan dari pelbagai pengalaman hidup.



### 1.8.2 Aspek Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan salah satu faktor dalam mengkaji pelaksanaan Seni Kraf Batik di sekolah. Aspek ini memberi penekanan sewaktu guru mula mengajar supaya hasil bagi proses pembelajaran murid adalah lebih berkesan. Pengendalian menjadi lebih mudah dan tersusun sekiranya guru mempunyai bahan bantu mengajar yang baik dan tersusun. Menurut Kamarul Azmi, Faez Ilias dan rakan-rakan (2011), kehadiran bahan bantu mengajar akan menjadikan fungsi guru sebagai pemudahcara serta meningkatkan keberkesanannya pembelajaran yang berpusatkan kepada murid. Oleh itu, penyelidik ingin melihat bagaimana peranan bahan bantu mengajar dapat menarik minat murid melalui pengajaran yang disampaikan oleh guru.





### 1.8.3 Aspek Murid

Aspek seterusnya pula adalah ingin melihat kepada kemampuan murid melalui karya yang dihasilkan. Selain itu, murid juga dilihat dari segi pengajaran yang disampaikan oleh guru, minat dan kesungguhan dalam menghasilkan aktiviti batik tersebut. Penilaian dan susulan akan dilakukan dalam bentuk rumusan akhir pembelajaran itu berlangsung dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Kraf Batik.

Melalui konsep ini menjelaskan bahawa satu kajian pelaksanaan Seni Kraf Batik dalam Pengajaran dan Pembelajaran ini sesuai dan berkait rapat dengan hubungan dari aspek guru, murid dan bahan bantu mengajar (BBM). Gabungan ketiga-tiga aspek ini memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Seni Kraf Batik oleh penyelidik semasa melaksanakan kajiannya.

## 1.9 Definisi Operational

### 1.9.1 Kraf

Kerja seni yang memerlukan daya cipta dan kemahiran dengan menggunakan tangan. Kraf adalah barang yang dihasilkan dengan menggunakan kemahiran tangan, dikeluarkan dengan atau tanpa menggunakan alat atau peralatan mudah yang dijalankan secara sendiri atau tidak langsung oleh pengusaha-pengusaha kraf (Akta 222-Akta perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979).





### 1.9.2 Batik

Batik merupakan kraf tangan Melayu tradisional yang mempunyai keunikannya tersendiri khususnya dari segi motif, teknik pembuatan serta nilai keindahannya. Perkataan batik memberi maksud ‘wax writing’ atau lilin tulis. Ianya menjelaskan kepada proses penggunaan lilin panas dengan cara menitikkannya pada permukaan kain melalui sejenis alat yang dinamakan ‘canting’ untuk melakukan aktiviti mencorak (Arba’iyah, 2007).

Menurut Harozila dan rakan (2017), batik merupakan satu kaedah dalam pencorakkan tekstik yang mengaplikasikan penggunaan lilin dan bahan pewarna yang terdiri daripada pewarnaan alam mahupun pewarna sintetik. Batik merupakan hasil corak yang dilukis daripada kain yang dihasilkan disempurnakan dengan warna batik

untuk mendapatkan kesan kecantikan pada kain hasil dari membatik.

### 1.9.3 Pengajaran

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran ini adalah dirancangkan guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasi murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan. Antara ciri-ciri pengajaran adalah murid dan guru, guru sebagai pengajar dan murid sebagai pembelajar, pengajaran bermakna apabila mempunyai pengajaran, aktiviti yang





dijalankan berpusatkan pada guru, murid dan gabungan guru dan murid serta berpusatkan sumber.

#### 1.9.4 Pembelajaran

Menurut Sarina (2009) dalam penulisannya, merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran". Mengikut Gagne (1970), pembelajaran merupakan "perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan".

Mengikut Woolfolk (1980), pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru. Ciri-ciri pembelajaran seperti ianya merupakan satu proses yang berterusan secara formal dan tidak formal. Secara formal seperti melalui sekolah dengan membaca, mengira, menulis dan sebagainya manakala tidak formal melalui keluarga, rakan sebaya, media masa dan persekitaran.

Pembelajaran dianggap sebagai perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat bermula sabaik sahaja dilahirkan. Pembelajaran bukan hanya merangkumi penguasaan pengetahuan kemahiran semata-mata, tetapi perkembangan emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian serta ciri dalaman juga dipengaruhi oleh pembelajaran. Pembelajaran membawa perubahan pada diri





seseorang, sama ada perubahan ke arah kebaikan ataupun keburukan. Walau bagaimanapun, perubahan yang disebabkan oleh kematangan seperti berjalan, makan, penyakit dan kelaparan tidak dianggap sebagai pembelajaran.

Menurut Ahmad Johari (2011) dalam penulisannya Robert M Gagne menyatakan pembelajaran adalah perubahan atau kemampuan seseorang yang dapat dikekalkan tetapi tidak disebabkan oleh pertumbuhan. Perubahan yang dipanggil pembelajaran diperlihatkan melalui perubahan tingkah laku iaitu dengan membandingkan tingkah laku seseorang individu sebelum didedahkan kepada situasi pembelajaran dengan tingkah lakunya selepas didedahkan dengan situasi pembelajaran. Malah, Henry Clay Lindgren dan Donn Byrne berkata perkataan ‘pembelajaran’ melambangkan konsep atau idea bagi menerangkan perubahan tingkah laku yang

diperlihatkan oleh seseorang.



Melaui pengertian pembelajaran yang telah diberikan oleh beberapa ahli psikologi pendidikan, jelaslah pada kita bahawa pembelajaran bukan sahaja berlaku dari segi mental, malah ia boleh berlaku dari segi fizikal, emosi dan juga sosial. Ahli psikologi pendidikan Amerika Syarikat, Benjamin S. Bloom menyatakan bahawa pembelajaran manusia berlaku dalam 3 bidang iaitu bidang kognitif, bidang afektif dan bidang psikomotor.

Pembelajaran merupakan segala perubahan tingkah laku yang agak kekal, akibat dari perubahan dalaman dan pengalaman, tetapi bukan semata-mata disebabkan oleh pertumbuhan atau kematangan, ataupun disebabkan oleh kesan sementara seperti dadah dan penyakit. Prinsip pembelajaran ialah suatu garis panduan mengenai





bagaimana pembelajaran berlaku dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran. Dengan itu guru boleh merancang dengan lebih sempurna untuk melaksanakan pengajarannya supaya lebih berkesan

### 1.9.5 Pendidikan Seni

Pendidikan Seni merupakan mata pelajaran teras dan wajib diperingkat sekolah menengah rendah dan menengah atas yang harus dilaksanakan pada sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.

Pendidikan Seni Visual di peringkat sekolah bertujuan memberi peluang kepada murid memupuk minat, memperkembangkan keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan alam sekitar serta kaitannya dengan mata pelajaran lain. Menurut Feldman (1996) seni visual merupakan usaha yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran untuk membuat dan memahami seni, di samping mengetahui tentang dunia dan diri kita sendiri melalui seni.

Menurut Ensiklopedia Malaysia (1996:453) Seni visual ialah sesuatu yang indah pada pandangan pancaindera manusia sama ada melalui penglihatan atau pendengaran. Menurut Ibn. Khaldun, seni visual itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan di mana di dalamnya terkandung ciri-ciri estetika dan logical. Kesimpulannya, pendidikan seni visual dapat melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan produktif menerusi pemupukan asas seni visual yang diterapkan di sekolah rendah dan sekolah menengah.





### 1.9.6 Kit

Menurut Kamus dewan Edisi keempat Kit merupakan set sebahagian-bahagian yang sedia untuk dipasang. Kit merupakan set lengkap sesuatu yang telah tersedia dan boleh dipakai dengan pekerluan persediaan jangka masa yang pendek.

KIT dari singkatan Komponen Instrumen Terpadu merupakan alat peraga yang dapat memudahkan guru dalam menyampaikan pelajaran agar murid lebih mudah memahami yang disampaikan oleh guru. Kit merupakan benda yang dapat secara langsung dimanipulasi sesuai dengan kegunaannya. (Riko Maryandi, Hery Kresnadi, Siti Halidja. 2013)



Kit merupakan alat praktikum yang sederhana sehingga murid dapat melakukan percubaan secara berkelompok di dalam kelas. Kit ini dapat digunakan untuk mengembangkan idea berfikir secara kognitif, efektif dan psikomotor. (Ratulani, 2015)

### 1.9.7 Interpretasi

Menurut Kamus dewan Edisi keempat bermaksud membuat tafsiran sesuatu perkara dalam memberikan penjelasan mengenai makna, tujuan, implikasi terhadap sesuatu perkara yang dijalankan. Selain itu, sebagai peramalan dalam segala bentuk tingkah laku yang dilakukan untuk mendapatkan hasil dari sesuatu kajian.





## 1.10 Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji dan menilai sejauh mana keberkesanan penggunaan Kit Batik Lukis dalam aktiviti di sekolah berjaya menarik minat murid, penglibatan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta dapat meningkatkan pencapaian murid dalam menghasilkan aktiviti tersebut.

